

21 APR 1998

MAHATHIR LANCAR MAJLIS PERNIAGAAN MALAYSIA-BRITAIN

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-Britain di sini bagi meningkatkan lagi hubungan perniagaan dan perdagangan dua hala.

Majlis itu ditubuhkan atas inisiatif Persatuan Britain Malaysia dengan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan disokong oleh kerajaan Malaysia dan kerajaan Britain.

Pengerusi Bersama majlis itu dari Britain ialah Patrick Gillam yang juga Pengerusi Standard Chartered Bank PLC manakala Pengerusi Eksekutif kumpulan Konsortium Perkapalan Malaysia Bhd Mirzan Mahathir merupakan pengerusi bersama dari Malaysia.

Mirzan adalah juga Presiden ASLI.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan pada majlis pelancaran itu, ASLI berkata majlis itu akan menggalakkan secara aktif pelaburan dua hala ke negara satu sama lain dan menjadi pusat perhubungan bagi masyarakat perniagaan untuk menyalurkan atau mendapatkan maklumat perniagaan secara dua hala.

Majlis itu juga akan bertindak sebagai pemangkin rangkaian kerja antara pemimpin perniagaan Malaysia dan Britain bagi memperkembangkan prospek dalam bidang perniagaan.

ASLI akan bertindak sebagai Sekretariat majlis itu bagi Malaysia manakala Asia House London akan menjadi sekretariatnya bagi Britain.

-- BERNAMA

MAM NMO